



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

LAPORAN:

KONSEP INSAN DARI PANDANGAN ISLAM

SUBJEK:

UHS1022 (FALSAFAH DAN ISU SEMASA)

NAMA PENSYARAH:

DR. ABDUL HALIM B. ZULKIFLI

AHLI KUMPULAN:

BIL	NAMA	NO. MATRIK
1.	ADAM WAFII BIN AZUAR	A20EC0003
2.	AHMAD MUHAIMIN BIN AHMAD HAMBALI	A20EC0006
3.	FARAH IRDINA BINTI AHMAD BAHARUDIN	A20EC0035
4.	MAIZATUL AFRINA SAFIAH BINTI SAIFUL AZWAN	A20EC0204

Isi Kandungan

Pengenalan	3
Lima Unsur Utama	5
Roh	5
Jasad	6
Akal	7
Nafsu	7
Hati	8
Hakikat dan Sifat Insan	9
Proses Penciptaan Manusia	12
Penciptaan Nabi Adam	12
Penciptaan Hawwa	14
Penciptaan Anak Cucu	15
Peringkat Kehidupan Manusia	16
Potensi Insan	19
Rumusan	21
Rujukan	22

Pengenalan

Manusia terjadi daripada dua unsur utama iaitu jasad dan roh. Jasad merupakan sesuatu yang wujud dan dapat dipegang dan dilihat seperti badan dan tubuh (Kamus Pelajar Edisi Kedua). Jasad ini merupakan komponen manusia yang membentuk rupa fizikal manusia. Jasad yang sihat diperlukan untuk membolehkan akal manusia melaksanakan fungsinya dengan baik. Untuk membangunkan komponen jasad manusia perlu berusaha untuk memakan makanan yang baik dan memakai pakaian yang bersih (Mohd Yusof Hj. Othman 2002).

Unsur kedua merupakan unsur yang sangat penting dalam pembentukan manusia iaitu roh. Al-ruh dan al-rawh berasal dari huruf yang sama iaitu ra', waw dan ha. Tetapi, penggunaan al-ruh lebih banyak merujuk kepada nafas dan juga istilah bagi sesuatu yang menyebabkan hidup, bergerak, memperoleh manfaat dan juga mengelak daripada kemudaratan (Rohaida Abdul Rahim, 2015). Berdasarkan Kamus Pelajar Edisi Kedua, roh merupakan bahagian batin manusia yang mempunyai perasaan, fikiran dan jiwa. Bentuk fizikal roh tidak dapat dilihat dengan mata kasar kerana ia merupakan perkara ghaib. Walaupun demikian, manusia bertanggungjawab untuk sentiasa membersihkan rohnya agar diri mereka terbangun dalam keadaan yang baik serta mendapat kejayaan (Muhammad Hilmi Jalil & Mohd Yusof Othman, 2017).

Manusia juga dibekalkan oleh Allah S.W.T dengan beberapa elemen seperti hati, akal dan nafsu. Imam al-Ghazali dalam Ihya' 'Ulum al-Din telah menyatakan unsur kerohanian atau bukan material dalam diri manusia dirangkum dalam istilah yang bukan hanya tertumpu kepada istilah roh semata-mata bahkan tiga elemen ini yang menjadi hakikat sejati diri mereka. Dalam konteks ayat ini, elemen yang pertama iaitu hati membawa maksud hati batin yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar namun ia dapat dirasa oleh pengakuan batinnya. Hati yang baik dan bersih dapat dirasa dan dilihat daripada tingkah laku seseorang dalam melakukan kebaikan.

Seterusnya, akal merupakan salah satu nikmat kurniaan Allah yang terbesar kepada manusia. Akal ini bukan hanya berfungsi untuk mencari ilmu pengetahuan malah akal ini dapat memberi manfaat kepada manusia ke arah kebaikan di dunia dan di akhirat jika dijaga dengan baik. Akal merupakan tunjang utama yang membezakannya dengan makhluk-makhluk yang lain. Elemen yang terakhir ialah nafsu. Nafsu dapat ditakrifkan sebagai keinginan, kecenderungan atau dorongan hati yang kuat oleh manusia. Nafsu berperanan untuk berkehendak akan sesuatu perkara

yang baik mahupun yang buruk. Manusia yang tidak pernah merasa puas dengan nafsu yang tidak pernah tamat ini telah menjadikan nafsu cenderung kepada kejahatan daripada kebaikan. Firman Allah S.W.T dalam surah Yusuf ayat 53, menerangkan bahawa “Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan.”

Lima Unsur Utama

Roh

Seterusnya ialah roh. Roh yang membawa maksud bahagian dalam manusia yang mempunyai daya berfikir, berpersaan dan berkemahuan merupakan sesuatu yang menyebabkan hidupnya satu jasad untuk memperoleh manfaat, bergerak serta mengelak daripada melakukan sebarang kemudaratan. Roh ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu roh insani dan roh hayawani. Roh insani ialah suatu unsur halus dimiliki oleh manusia untuk mengetahui dan memperolehi ilmu. Roh hayawani pula bermaksud sebagai satu jisim yang halus dan tempatnya ialah di ruang kosong hati, dan beredar ke seluruh badan melalui saluran-saluran darah.

Firman Allah S.W.T dalam surah Al-Shams (91: 9-10) menerangkan bahawa “Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih untuk bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).” Dalam konteks ayat ini, Allah berfirman supaya semua golongan manusia menjaga diri mereka dengan membuat amal kebajikan dan pelihara iman supaya lebih berjaya.

Justeru, Al-Ghazali telah mencadangkan supaya manusia beramal dengan lima perkara iaitu yang pertama, beramal dengan sifat mahmudah, iaitu sifat-sifat yang baik dan terpuji. Sebagai contoh, amanah, ikhlas, jujur, tepati janji dan sebagainya. Yang kedua ialah menjauhi sifat mazmumah iaitu sifat-sifat yang terkeji yang dibenci oleh Allah S.W.T seperti riak, sombong, takbur, angkuh dan lain-lain. Seterusnya ialah mengelakkan makanan yang haram seperti tidak minum arak, tidak memakan makanan dari sumber yang haram seperti rasuah dan judi dan sebagainya. Di samping itu, manusia juga perlu menunaikan hak sesama insan seperti hak terhadap ibu bapa, isteri, suami, anak, majikan dan lain-lain. Yang terakhir ialah untuk menunaikan hak Allah iaitu rukun islam iaitu mengucap dua kalimah syahadah, menunaikan solat, berpuasa, menunaikan zakat dan tunaikan haji bagi yang mampu.

Jasad

Seperti yang telah dijelaskan dalam pengenalan di atas, jasad membawa maksud sesuatu yang wujud yang dapat dipegang dan dilihat seperti badan dan tubuh. Untuk mengekalkan unsur utama kejadian manusia ini, manusia perlulah berada dalam keadaan yang sihat. Oleh itu, sumber tenaga yang asasi seperti makanan harian mestilah diambil oleh setiap manusia pada setiap hari. Pilihan makanan yang perlu diambil juga perlu mengikut kriteria makanan yang menyihatkan, bukannya berasaskan kepada kelazatan makanan tersebut semata-mata. Dengan mengambil makanan yang berkhasiat, badan akan sentiasa berada dalam keadaan yang sihat dan bebas daripada sebarang penyakit.

Justeru, perkara yang amat penting yang perlu diambil serius oleh setiap manusia ialah pemakanan yang baik. Hal ini demikian untuk membina dan menjaga sistem organik dalam tubuh badan manusia. Antara ciri pemakanan yang baik ialah makanan yang halal. Makanan yang halal serta baik adalah merupakan makanan yang mengandungi banyak khasiat serta baik untuk kesihatan. Allah S.W.T pada dasarnya telah menciptakan segala apa yang ada di bumi ini adalah halal melainkan terdapat bahaya di dalamnya, maka Allah S.W.T mengharamkannya (Salma Mat Yasim, 2011).

Pemakanan yang baik juga terdiri dari makanan yang bersih, segar, sempurna, mudah untuk dihadam dan mengandungi nutrien yang cukup. Hal ini demikian dapat membantu kekuatan fizikal manusia melalui pembinaan fizikal badan serta membekalkan sumber tenaga yang mencukupi untuk menempuh hari-hari mereka. Justeru, manusia akan lebih bersemangat untuk tempuhi hari mereka seperti bekerja dan belajar dengan penuh semangat.

Namun, tubuh badan boleh berada dalam keadaan yang lemah kerana mempunyai penyakit. Antara punca yang menjurus ke arah sebegini ialah dengan tidak menjaga pengambilan makanan dalam sehari. Sebagai contoh, individu yang memilih untuk tidak makan pada waktu pagi iaitu sarapan. Selain itu, Kesannya, sumber tenaga individu ini untuk memulakan harinya berada di skala yang rendah menyebabkan badan lesu dan sebagainya. Terdapat juga di antara mereka yang terpengaruh dengan keadaan sekeliling seperti hasutan rakan-rakan dengan mengambil makanan yang tidak menyihatkan badan seperti mengambil dadah, merokok ataupun minum arak. Hal ini

merupakan antara faktor yang menjurus individu tersebut untuk terkena penyakit seperti kanser paru-paru dan sebagainya.

Oleh itu, setiap manusia hendaklah menjaga tubuh badan mereka dengan mengambil makanan yang sihat dan berkhasiat mengikut keseimbangan piramid makanan untuk mengekalkan tubuh badan yang sihat dan untuk hindarkan tubuh badan daripada terkena penyakit-penyakit yang bahaya yang boleh meragut nyawa mereka.

Akal

Dalam Islam, akal berada di posisi yang sangat mulia kerana akal merupakan nikmat besar yang Allah S.W.T berikan kepada umat manusia. Dengan akal ini, manusia mempunyai perbezaan dengan makhluk-makhluk Allah yang lain. Akal ini merupakan antara unsur utama kejadian manusia yang terpenting kerana tanpa akal, manusia itu tidak ubah seperti binatang yang hidup di bumi ini. Disebabkan akal ini juga, manusia itu menjadi makhluk yang bertamadun dan beradab.

Fungsi utama akal ialah untuk mengenal Allah dan memerhatikan kekuasaan-Nya dari perspektif keindahan alam yang dibentang luas serta kebesaran kudrat-Nya. Akal ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu untuk mengenal Allah, taat kepada Allah dan seterusnya sabar menahan diri daripada melakukan maksiat yang dibenci Allah. Akal bukan sahaja bertujuan untuk menyelidik semua perkara yang dilihat dan didengar, malah untuk melihat perkara di sebaliknya iaitu kuasa ghaib yang terdapat di sebalik setiap perkara. Sebagai contoh, antara perkara yang perlu manusia ketahui di sebalik dunia ini ialah terdapat sebuah kehidupan yang lebih kekal selepas alam ini.

Justeru, akal hendaklah digunakan untuk lebih mendekati dan mengenal Allah. Manusia haruslah melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran yang boleh membawa kesan buruk terhadap diri sendiri.

Nafsu

Seterusnya, nafsu merupakan perkataan Arab yang bermaksud jiwa atau ego yang merupakan jisim atau bentuk yang halus yang dicipta oleh Allah S.W.T sebelum terjadinya penciptaan jasad.

Kebiasaannya, nafsu akan mencapai hati untuk menimbulkan keinginan di hati untuk mempunyai sesuatu. Sekiranya nafsu dalam diri menebal, maka nafsu akan menguasai hati untuk mendapatkan keinginan tersebut.

Nafsu seperti keinginan makan, seksual dan emosi akan membawa kepada cita-cita dan keinginan untuk mencapai matlamat hidupnya serta seharusnya mendorong agar berusaha bersungguh-sungguh dalam melakukan pekerjaan. Namun nafsu perlu dikendalikan dan dikawal bukan dituruti sepenuhnya seperti binatang yang tidak mampu mengendalikan nafsu. Ia perlu diguna dan dikawal bagi tujuan betul dan baik.

Sebagai contoh, nafsu makan. Kita sering dinasihatkan dengan berhenti makan sebelum kenyang. Baginda Rasulullah S.A.W juga mengamalkannya. Hal ini demikian kerana, berhenti makan sebelum kenyang dapat mengelakkan seseorang itu daripada rasa mengantuk dan berehat daripada melakukan sesuatu tugas. Tambahan pula, kita perlu elakkan diri kita daripada tidur kerana proses pencernaan makanan dalam badan kita akan terjejas. Oleh itu, nafsu hendaklah dikawal dengan sebaik mungkin agar diri kita sentiasa berada dalam keadaan sihat sejahtera.

Hati

Dalam surah An-Nahl ayat 78, Allah S.W.T telah berfirman yang bermaksud, "Dan Allah mengeluarkan kamu daripada perut ibumu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatu pun dan Dia memberi kamu pendengaran, penglihatan dan hati, agar kamu bersyukur". Allah S.W.T menyebut tiga perkataan ini dalam Al-Quran sebanyak 132 kali yang menggambarkan kepentingannya kepada manusia. Hal ini demikian kerana ia adalah pintu kepada segala maklumat dan ilmu yang menyentuh kehidupan manusia.

Melalui telinga, manusia dapat memperoleh pelbagai maklumat dan ilmu pengetahuan dan menghayati setiap ilmu yang didapati. Begitu juga dengan mata, manusia dapat melakukan perkara-perkara yang membawa kebaikan kepada masyarakat dan kepada dirinya sendiri. Tidak kurang pula dengan hati kerana kalbu memberikan manusia ketakwaan dan kecintaan kepada Allah S.W.T. Dari hati juga, Allah S.W.T memberikan ilham kepada manusia untuk membuat penilaian dan perbezaan antara perkara yang baik dan perkara yang buruk yang akan membezakan manusia dengan makhluk Allah yang lain seperti haiwan.

Hakikat dan Sifat Insan

Setiap penciptaan Allah SWT mempunyai tujuan dan hakikat yang tersendiri. Menurut Islam iaitu al-Quran yang merupakan panduan hidup muslim dan juga salah satu sumber utama ilmu selain as-Sunnah. Allah SWT telah menurunkan al-Quran yang merupakan mukjizat kepada Nabi Muhammad iaitu Nabi dan Rasul yang terakhir. Al-Quran merupakan kalam Allah yang lengkap dengan semua aspek kehidupan dan sumber asas dalam hidup. Firman Allah SWT dalam Surah al-Isra' ayat 9 yang bermaksud : “Sesungguhnya al-Quran jalan yang amat betul (agama Islam) dan memberi khabar gembira kepada orang mukmin yang mengerjakan amalan baik bahawa mereka disediakan pembalasan yang baik”. Allah juga berfirman dalam Surah an-Nahl ayat 89 yang bermaksud : “.....dan Kami turunkan kepadamu al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi petunjuk serta rahmat dan khabar gembira bagi orang-orang yang berserah diri”. As-Sunnah pula merupakan sumber kedua dalam Islam. As-Sunnah merupakan percakapan, perbuatan, pengakuan Rasulullah SAW terhadap kenyataan atau tindakan orang lain. Semua perkara di atas menunjukkan setiap perkara yang dicari atau masalah yang dihadapi oleh seseorang individu terdapat di dalam al-Quran dan as-Sunnah. Sama seperti hakikat dan sifat seorang insan dalam erti kata lain seorang manusia, kedua-dua ini juga terdapat dalam al-Quran dan as-Sunnah.

Insan. Apakah maksud insan? Perkataan “Insan” berasal daripada perkataan Bahasa Arab iaitu “nisyan” yang bermaksud kelupaan. Maksud insan yang jelas menunjukkan “kelupaan” yang dimaksudkan itu adalah mengenai tabiat dan sifat manusia yang sering lupa. Lupa mempunyai maksud yang luas. Maksud lupa dalam konteks ini ialah lupa kepada semua janji yang telah dibuat semasa berada di alam roh seperti mengabdikan diri dan mengEsakan Allah SWT sebagai tuhan dengan melaksanakan segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya. Namun, dengan sifat utama manusia yang pelupa ini, apabila manusia lahir ke dunia mereka telah melupakan segala janji yang dilafazkan sebelum ini. Selain itu, manusia turut lupa tugas asal mereka di muka bumi ini untuk melaksanakan tugas sebagai Khalifah atau hamba Allah dengan taat dan mengabdikan diri kepada Allah SWT. Oleh itu, wujudnya ibu bapa kita untuk mencorakkan peribadi anak-anaknya untuk menjadi anak yang soleh dan solehah dan patuh kepada perintah Allah SWT. Satu hadis Nabi yang bermaksud “ setiap anak itu dilahirkan dalam keadaan bersih maka ibu bapanya lah yang mencorakkan menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi”. Di samping itu,

Allah SWT juga mengutuskan para Rasul untuk memimpin hamba-hambaNya yang lain untuk menyembah dan mengabdikan diri mereka kepadaNya.

Selain daripada perkataan “Insan” terdapat juga perkataan “al-Basyar” yang bermaksud gembira akan tetapi Allah lebih banyak menggunakan perkataan “Insan” di dalam al-Quran berbanding “al-Basyar”. Sifat kemanusiaan dan sifat kehaiwanan merupakan sifat-sifat insan. Sifat kemanusiaan ini menerangkan tentang sifat fitrah manusia iaitu mengabdikan diri kepada Allah, patuh, taat, melakukan kebaikan, ihsan dan nilai-nilai baik yang lain manakala sifat kehaiwanan pula menerangkan tentang keperluan manusia dalam hidup seperti makanan dan minuman yang merupakan perkara yang amat penting, harta dan lain-lain. Namun, sifat kehaiwanan ini perlu diambil berat dengan nilai-nilai kerohanian agar tidak terpesong daripada jalan Allah. Hal ini kerana, jika sifat ini dibiarkan dan apabila nafsu menakluki badan seseorang manusia itu maka akan jatuh martabat manusia tersebut dan dipandang hina seperti binatang atau lebih teruk. Firman Allah SWT dalam Surah al-Jaatsiyah ayat 23 yang bermaksud : “Maka pernahkah kamu melihat orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhanNya dan Allah membiarkannya sesat berdasarkan ilmu-Nya dan Allah telah mengunci mati pendengaran dan hatinya dan meletakkan tutupan atas penglihatannya, Maka siapakah yang akan memberinya petunjuk sesudah Allah (membiarkannya sesat). Maka mengapa kamu tidak mahu mengambil pengajaran?”. Selain daripada itu, Allah juga berfirman dalam Surah at-Tin ayat keempat yang bermaksud : “Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya”.

Hakikat dan sifat insan ini terbahagi kepada dua iaitu dari segi fizikal dan spiritual. Aspek fizikal ini merujuk kepada material manakala aspek spiritual merujuk kepada rohani. Daripada aspek fizikal, aspek ini menjelaskan tentang proses penciptaan manusia. Proses penciptaan manusia terbahagi kepada tiga. Proses yang pertama adalah proses penciptaan daripada tanah yang juga merupakan proses penciptaan Nabi Adam A.S.. Proses penciptaan Nabi Adam mempunyai 6 peringkat keseluruhannya. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Imran ayat 59 yang bermaksud: “Sesungguhnya perbandingan (kejadian) Nabi Isa di sisi Allah adalah sama seperti (kejadian) Nabi Adam. Allah telah menciptakan Adam dari tanah lalu berfirman kepadanya: Jadilah engkau! Maka jadilah ia”. Selain daripada itu, penciptaan Hawwa iaitu pasangan Nabi Adam A.S. juga merupakan salah satu proses penciptaan manusia. Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya wanita diciptakan dari tulang rusuk dan

tidak dapat kamu luruskan dengan cara bagaimanapun, jika kamu hendak bersenang-senang dengannya, kamu dapat bersenang-senang dengannya dan dia tetap saja bengkok, namun jika kamu berusaha meluruskannya, nescaya dia akan patah dan mematahkannya adalah menceraikannya”. Proses yang ketiga iaitu proses yang terakhir adalah proses biologi iaitu proses di mana manusia-manusia berkembang melalui perkahwinan. Firman Allah SWT di dalam Surah Fatir ayat 11 yang bermaksud: “Dan Allah menciptakan kamu daripada tanah, kemudian daripada (setitis) air benih, kemudian ia menjadikan kamu berpasangan (lelaki dan perempuan).

Daripada aspek spiritual dalam erti kata lain ialah aspek rohani, aspek ini menjelaskan tentang roh dan manusia. Roh bermaksud makhluk hidup (seperti malaikat, jin) yang berperasaan dan berfikiran tetapi tidak berjasad (Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2015). Roh juga adalah satu sifat halus yang berada dalam diri manusia yang dapat mengenal pasti segala sesuatu dan pengertian. Ia juga termasuk dengan sifat ketuhanan (latifah rabbaniyyah). Allah SWT berfirman dalam Surah al-Isra’ ayat 85 yang bermaksud: “Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh, katakanlah roh itu termasuk dalam urusan Tuhanku, dan kamu tidaklah diberi ilmu melainkan sedikit”. Firman Allah ini menunjukkan bahawa roh itu sebenarnya bersifat halus dan bukan bersifat fizikal dan tiada siapa yang tahu tentang sifat entiti dan zat roh yang sebenarnya. Roh ini mempunyai kemampuan dan fungsinya yang tersendiri seperti aqal. Perkataan asal bagi aqal adalah iqal yang membawa maksud belunggu. Perkataan iqal ini digunakan oleh masyarakat Arab untuk unta-unta mereka bagi mengelakkan selendang daripada jatuh atau terbang. Disebabkan ini wujudnya perkataan aqal iaitu berfungsi untuk menahan dan mengelakkan manusia daripada melakukan perkara-perkara yang tidak baik di sisi Allah SWT. Aqal yang sihat akan membawa manusia ke arah kebaikan manakala aqal yang tidak sihat akan menarik manusia ke arah keburukan.

Proses Penciptaan Manusia

Firman Allah SWT dalam Surah al-Mulk ayat 23 yang bermaksud: “Katakanlah, Dialah yang menciptakan kalian dan menjadikan pendengaran, penglihatan dan hati murni bagi kalian. (Tetapi) sedikit sekali kalian bersyukur”. Ayat ini menjelaskan bahawa Allah menciptakan dan memberikan ciptaan-Nya anugerah dan hati yang bersih. Allah SWT juga berfirman dalam Surah at-Tin ayat 4 yang bermaksud: “Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sempurna.”. Namun proses penciptaan manusia ini terbahagi kepada tiga jenis iaitu penciptaan Nabi Adam A.S., penciptaan Hawwa iaitu pasangan Nabi Adam dan yang terakhir proses biologi.

Penciptaan Nabi Adam

Nabi Adam A.S. merupakan ciptaan Allah dan manusia pertama yang diciptakan Allah SWT. Nabi Adam asalnya tinggal di syurga tetapi disebabkan baginda telah memakan buah dari pohon yang dilarang maka Nabi Adam A.S. telah diturunkan ke dunia. Al-Quran ada menjelaskan kisah-kisah bermulanya penciptaan Nabi Adam dari tanah sehinggalah kisah baginda dan anak-anaknya. Nama Adam disebut di dalam al-Quran sebanyak 25 kali. Proses penciptaan Nabi Adam A.S. mempunyai sebanyak enam peringkat iaitu dicipta dari pelbagai jenis tanah bumi, dicipta dari tanah liat, dicipta dari tanah liat yang pekat, dicipta dari tanah liat kering yang hitam, diciptakan dari tanah liat yang terbakar dan akhir sekali ditiupkan roh.

Peringkat yang pertama ialah dicipta dari pelbagai jenis tanah bumi. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Imran ayat 59 yang bermaksud: “Sesungguhnya perbandingan (kejadian) Nabi Isa di sisi Allah adalah sama seperti (kejadian) Nabi Adam. Allah telah menciptakan Adam dari tanah lalu berfirman kepadanya: Jadilah engkau! Maka menjadilah ia”. Selain itu, Hadith Riwayat At-Tirmidhi juga membincangkan ayat yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW yang bermaksud: “Dari Abu Musa al-Asya’ari RA, dari Nabi SAW bersabda: Sesungguhnya Allah menciptakan Adam dari genggaman yang diambil dari seluruh bumi, lalu anak keturunan Adam datang sesuai dengan kadar (tanah), di antara mereka ada yang (berkulit) merah, putih dan hitam. Dan di antaranya pula ada mempunyai perwatakan yang ramah, sedih, keji dan baik.” Hadith ini menjelaskan bahawa

disebabkan proses inilah manusia pada zaman ini mempunyai pelbagai warna kulit, sifat dan lain-lain lagi.

Peringkat seterusnya adalah dicipta dari tanah liat. Semua tanah-tanah yang diambil telah dicampurkan dengan air sehingga menjadi tanah liat. Firman Allah SWT dalam Surah Sad ayat 71 yang bermaksud: “(Ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: “Sesungguhnya Aku akan menciptakan manusia dari tanah.”. Proses campuran tanah-tanah dengan air ini diibaratkan seperti kita sedang mengadun tepung bersama di dalam satu bekas dan kemudian campuran tersebut menjadi seakan-akan pepejal.

Selepas itu, peringkat ketiga iaitu dicipta dari tanah liat yang pekat. Peringkat ini menjadikan tanah liat semakin kukuh dan penciptaan Nabi Adam turut kukuh. Firman Allah SWT dalam Surah as-Saffat ayat 11 yang bermaksud: “Maka tanyakanlah kepada mereka (musyrik Mekah): “Apakah mereka yang lebih kukuh kejadiannya ataukah apa yang telah Kami ciptakan itu?” Sesungguhnya Kami telah menciptakan mereka dari tanah liat.”.

Peringkat empat menjelaskan tentang penciptaan dari tanah liat kering yang hitam. Di dalam Surah al-Hijr ayat 28, Allah SWT berfirman: “Dan (ingatlah), ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: “Sesungguhnya Aku akan menciptakan seorang manusia dari tanah liat kering (yang berasal) dari lumpur hitam yang diberi bentuk.”.

Peringkat seterusnya adalah penciptaan dari tanah liat yang dibakar dan Allah SWT berfirman dalam Surah ar-Rahman ayat 14 yang membawa maksud: “Dia menciptakan manusia dari tanah kering seperti tembikar.”. Proses ini sama seperti proses pembuatan tembikar di mana ia juga memerlukan tanah liat dan seterusnya tanah liat itu dibentuk, dikeringkan dan akhir sekali dibakar untuk mendapatkan hasil tembikar yang berkualiti dan kukuh.

Peringkat yang terakhir adalah meniupkan roh. Proses ini dilakukan setelah selesai semua peringkat daripada peringkat yang pertama hingga peringkat yang kelima. Allah SWT berfirman dalam Surah Sad ayat 72 yang bermaksud: “Maka apabila telah Ku sempurnakan kejadiannya dan Ku tiupkan kepadanya roh (ciptaan) Ku; maka hendaklah kamu tersungkur dengan bersujud kepadanya.” Maka dengan ini maka bangkitlah Nabi Adam selepas Allah SWT meniupkan roh dan dengan itu Allah SWT memerintahkan makhluk-makhluk lain untuk bersujud kepadanya.

Penciptaan Hawwa

Hawa atau Eve dalam bahasa Inggris ialah isteri Nabi Adam A.S dan merupakan wanita yang daripada kalangan manusia. Nama Hawa tidak dinyatakan di dalam Al-Quran tetapi dinyatakan di dalam Hadis. Menurut hadis, Hawa dicipta dari tulang rusuk kiri Adam di dalam syurga. Terdapat beberapa pandangan berkaitan penciptaan hawa dalam kalangan fuqaha'. Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A, Bahawa Nabi S.A.W bersabda yang bermaksud

“Nasihatilah para wanita kerana wanita diciptakan daripada tulang rusuk yang bengkok dan yang paling bengkok daripada tulang rusuk itu adalah pangkalnya, jika kamu cuba untuk meluruskannya maka ia akan patah, namun bila mana kamu biarkan ia maka ia akan tetap bengkok, untuk itu, nasihatilah para wanita”.

Berdasarkan hadis ini, wanita itu diciptakan daripada tulang rusuk ialah asal penciptaan wanita adalah bengkok dan wanita tidak menerima pembetulan sebagaimana tulang rusuk juga tidak menerima perlurusan. Antara pendapat dalam memahami makna hadis Nabi S.A.W ini adalah sebahagian ahli tafsir dan ahli hadis berpendapat bahawa hakikat penciptaan wanita itu adalah daripada tulang rusuk dan bukan perumpamaan sebagaimana yang dinyatakan oleh sebahagian ulama' lain. Berdasarkan firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Dia (Allah) menciptakan kamu daripada diri yang satu (Adam), kemudian Ia menjadikan daripadanya isterinya (Hawa)”

Pendapat kedua adalah perempuan diciptakan daripada tulang rusuk adalah sekadar perumpamaan dan ia bukannya menunjukkan akan hakikat penciptaan wanita. Sebahagian ulama' kontemporari memilih pendapat ini seperti Sheikh Syaib al-Arna'outh.

Kesimpulannya, terdapat beberapa pendapat berkaitan isu penciptaan hawa. Sebahagian ulama' mengeluarkan pandangan hawa diciptakan daripada tulang rusuk lelaki adalah perumpamaan dan sebahagian berpandangan ia adalah hakikat. Pengajaran daripada hadis-hadis dan dalil berkaitan penciptaan wanita ini adalah lelaki perlulah menunjukkan contoh yang baik dan membimbing wanita ke arah yang lebih baik.

Penciptaan Anak Cucu

Proses penciptaan manusia yang diceritakan didalam Al-Quran telah dibuktikan oleh sains moden pada hari ini. Manusia sangat istimewa berbanding makhluk lain kerana manusia dikurniakan akal fikiran dan nafsu dalam melakukan sesuatu perkara. Allah berfirman dalam Surah at-Tiin, ayat 4 bermaksud: “Sesungguhnya benar Kami ciptakan manusia dengan bentuk yang sebaik-baiknya.” Manusia diciptakan oleh Allah S.W.T untuk menjadi khalifah di muka bumi dan untuk menyembahNya. Terdapat beberapa peringkat penciptaan manusia menurut Al-Quran yang telah dijelaskan oleh sains.

Peringkat pertama adalah peringkat Nutfah. Di dalam bahasa Arab, Nutfah boleh diterjemahkan kepada titisan air mani lelaki. Menurut Prof Keith Moore, beliau berpandangan bahawa definisi Nutfah juga meliputi pembentukan zygote sehingga blastocyst. Proses tersebut sangat berkait rapat dengan firman Allah S.W.T dalam surah Al-Mu’minun ayat 13 yang bermaksud : *“Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh”*. Pada peringkat blastocyst, proses implan pada dinding rahim berlaku.

Seterusnya, peringkat kedua iaitu peringkat ‘Alaqa’(علق). Perkataan alaqah menurut bahasa Arab mempunyai pelbagai maksud. Antaranya ‘Alaqa’ yang bermaksud sesuatu yang melekat dan tergantung pada sesuatu. Selain itu, maksud ‘Alaqah’ pula adalah lintah yang membesar. Kedua-dua maksud tersebut boleh diterima kerana pada peringkat ini iaitu dalam jangkamasa 7-24 hari, janin pada ketika ini akan berbentuk seperti lintah. Embrio akan berbentuk seperti lintah dan pada ketika itu juga, embrio akan menerima nutrien daripada ibunya sepertimana lintah menghisap darah. Seterusnya, definisi seterusnya iaitu sesuatu yang melekat dan tergantung juga sangat tepat kerana embrio akan melekat pada rahim ibunya pada peringkat ini.

Pada peringkat ketiga iaitu peringkat ‘Mudghoh’ yang membawa maksud seketul daging. Perkataan ‘Mudghoh’ menurut dapat didefinisikan sebagai daging yang digigit. Pada peringkat ini, ‘Somites’ iaitu unjuran-unjuran di bahagian belakang embrio akan mula terbentuk. Perumpamaan daging digigit ini disebabkan kehadiran ‘Somites’ yang seolah-olah berbentuk manik menyebabkan embrio tersebut kelihatan seperti daging yang telah digigit.

Pada peringkat keempat iaitu 'Izam dan Lahm'. Izam membawa maksud tulang dan lahm membawa maksud daging. Peringkat ini bermula pada minggu ke 5 hingga ke 7 dimana pembentukan tulang dan seterusnya pembentukan otot. Kemudian peringkat kelima iaitu 'Nasy'ah khalqan Akhar' dimana semua pembentukan tulang sudah sempurna. Peringkat ini bermula pada minggu ke 9 hingga minggu ke 16. Peringkat keenam dan peringkat terakhir adalah 'Nafkhur Ruh' iaitu peringkat peniupan roh.

Peringkat Kehidupan Manusia

Manusia telah diciptakan oleh Allah sebagai makhluk yang sebaik-baiknya penciptaannya berbanding dengan makhluk-makhluk Allah yang lain. Tujuan manusia diciptakan adalah untuk khalifah Allah di muka bumi dan untuk beribadah semata-mata. Seperti firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 30 dan Surah Az-Dzaariyat ayat 56. Manusia dikurniakan akal dan nafsu serta penciptaan makhluk seperti haiwan dan tumbuhan semuanya bagi memenuhi keperluan seseorang manusia. Manusia diciptakan dengan menggunakan dua unsur iaitu tanah dan roh. Selepas seseorang itu telah mati jasadnya akan hancur secara perlahan-lahan manakala rohnya akan terus hidup. Setiap roh manusia yang dilahirkan ke muka bumi akan melalui beberapa peringkat sebelum tiba ke destinasi yang terakhir, iaitu sama ada syurga atau neraka.

Peringkat pertama yang perlu dilalui oleh roh adalah satu alam yang dikenali sebagai alam roh. Setiap daripada kita yang dilahirkan di dunia ini mempunyai roh yang tersendiri dan hanya Allah sahaja yang tahu apa itu roh yang sebenarnya kerana ianya luar jangkauan akal fikiran kita sebagai manusia yang lemah. Setiap roh telah melafazkan janji setia kepada Allah untuk menjadi khalifah di muka bumi sebelum dijadikan manusia. Seterusnya, peringkat kedua adalah alam Rahim. Alam ini merupakan satu proses yang dimana sebuah jasad sedang terbentuk di dalam rahim si ibu. Satu hadith Riwayat Muslim, sabda Rasulullah “Seseorang manusia dikumpulkan kejadiannya dalam kandungan ibunya selama 40 hari, masih wujud dalam bentuk air mani lalu dijadikan segumpal darah selama 40 hari. Kemudian malaikat meniupkan roh ke dalam jasad mengikut perintah Allah dan ditetapkan kepadanya rezeki, amalan dan kebahagiaan.

Peringkat yang ketiga adalah dikenali sebagai alam dunia iaitu alam yang dilalui kita sekarang. Apabila manusia dilahirkan dunia ini tanpa sebarang ilmu pengetahuan dalam bentuk seorang bayi yang lemah. Kemudian dia akan membesar menjadi seorang yang kuat lalu menjadi lemah kembali apabila usia sudah tua. Inilah hakikat kehidupan manusia yang membuktikan betapa terhadnya ruang dan masa bagi makhluk manusia yang lemah ini. Tujuan manusia berada di alam ini adalah untuk menyiapkan bekalan untuk dibawa ke alam seterusnya. Bekalan di sini bukanlah dalam bentuk makanan atau minuman tetapi dalam bentuk amal ibadah yang telah kita lakukan sepanjang kita hidup di muka bumi Allah ini. Tetapi ia tidak semudah itu, Allah akan tetap menguji hambanya dengan segala dugaan dan ujian ini tidak datang dalam bentuk kesusahan

sahaja. Kesenangan itu juga boleh menjadi salah satu ujian daripada Allah kepada kita. Alam dunia ini hanyalah tempat persinggahan kita yang sementara sebelum tiba di Kampung Halaman kita, syurga.

Peringkat yang keempat adalah Alam barzakh di mana akan terpisahnya roh seseorang itu dari jasadnya. Alam ini merupakan perantaraan antara alam dunia dan alam akhirat. Roh manusia akan berada di alam barzakh atau alam kubur sehingga terjadinya Hari Kiamat. Semua manusia akan ditanyakan beberapa soalan oleh Malaikat Munkar dan Nakir dan jika baik amalan mereka di muka bumi, maka mereka akan menerima kurniaan di dalam kubur mereka yang menjadi indah dan menenangkan. Manakala, bagi mereka yang buruk amalannya di dunia, mereka akan merasai azab yang akan menimpa mereka di dalam kubur. Peringkat yang terakhir adalah Alam Akhirat yang merupakan alam yang kekal abadi dan merupakan kehidupan yang sebenar. Di alam ini kesemua roh akan dikembalikan kepada jasadnya semula dan semua manusia akan dibicarakan dan diadili seadil-adilnya oleh Allah bagi semua perbuatan yang dilakukan semasa hidup di dunia dulu. Tiada seorang pon yang akan terlepas daripada pengadilan ini. Seterusnya, manusia akan mendapat buku amalan mereka yang menentukan penghujung mereka sama ada syurga atau neraka. Barangsiapa yang mendapat syurga maka berseronoklah kerana itulah sebaik-baik tempat Kembali. Dan barangsiapa yang mendapat neraka maka bersedialah menerima azab Allah yang sangat pedih.

Potensi Insan

Manusia merupakan kejadian Allah yang paling sempurna, seperti tercatat dalam kitab Allah Al-Quran, Allah berfirman dalam Surah At-Tin ayat 4 “Sesungguhnya kami telah jadikan manusia itu dalam sebaik-baik kejadian”. Kesempurnaan yang dimaksudkan ini bukan sahaja terletak kepada segi bentuk manusia yang tidak terlalu kecil atau tidak terlalu besar sehingga menyebabkan pergerakan seseorang manusia tersebut menjadi sukar. Kurniaan yang paling unggul daripada Allah kepada manusia adalah akal. Akal inilah yang membezakan manusia dengan makhluk-makhluk Allah yang lain. Fungsi akal ini juga merupakan satu mekanisme yang membolehkan seseorang hamba itu untuk mendekatkan dirinya kepada Allah dengan memerhatikan serta mentadabbur alam yang telah diciptakan oleh Allah. Dengan ini, potensi akal seseorang itu akan berkembang dan terus mendekati diri mereka kepada Allah. Jika seseorang insan inginkan dirinya terus mendekati Pencipta-Nya yang Maha Esa, dia memerlukan satu bimbingan untuk dia mempersiapkan dirinya, mencari tujuan kehidupannya di dunia ini dan yang paling penting untuk mengenali dirinya. Bimbingan yang paling baik di sini bukan seorang yang petah berkata-kata atau seorang yang dikenali ramai tetapi bimbingan yang terbaik adalah kitab yang telah ditinggalkan kepada kita oleh Rasulullah dan dijaga oleh Allah sehingga hari kiamat, iaitu Al-Quran. Tujuan Al-Quran diturunkan kepada kita adalah untuk memperingatkan kita tentang hari kiamat yang akan datang pada akhir zaman dan tujuan Al-Quran diturunkan kepada Rasulullah adalah untuk terus mengajak manusia bertaqwa kepada Allah serta mengingatkan umatnya tentang hari pengadilan. Allah terus menyediakan dan membantu kita untuk terus ingat pada hari kiamat kerana di sana kita hanya mempunyai dua destinasi, syurga iaitu sebaik-baik tempat dan neraka seburuk-buruk tempat. Jadi kita sebagai manusia yang hidup di muka bumi ini hanyalah perlu untuk terus berfikir dan mentadabbur kerana dalam Surah Muhammad ayat 24, Allah mencela mereka yang tidak mentadabbur alam, Firman-Nya “ maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran Al-Quran)?. Jika hati kita terus mendekati ayat-ayat Allah, akal, hati dan rohani diri kita yang berfungsi sebagai induk pada badan kita akan berada dalam keadaan yang baik kerana jika pusatnya bagus, maka seluruhnya akan menjadi bagus juga. Untuk kita terus istiqamah adalah dengan mencari sesuatu perkara yang apabila dilakukan perkara tersebut, kita akan merasakan kebahagiaan dan ketenangan yang luar

biasa contoh perkara tersebut menurut Imam Hassan Al-Basri adalah dengan melakukan solat, membaca serta mentadabbur Al-Quran dan berzikir munajat kepada Allah. Akhir kata, setiap makhluk Allah yang bergelar manusia ini mempunyai potensi-potensi yang mampu berkembang hari demi hari, tetapi mereka juga mungkin akan menghadapi masalah-masalah dan cabaran yang akan terus melanda mereka tidak kira sama ada secara fizikal, mental atau rohani. Dengan adanya Al-Quran sentiasa di sisi mereka, mereka akan terus berjihad untuk mempersiapkan diri mereka untuk ke destinasi utama mereka iaitu Syurga Firdaus. Bersama-sama kita berusaha sehabis baik untuk pulang ke kampung halaman kita dan semoga kita dapat jauhi diri daripada kembali ke seburuk-buruk tempat untuk kembali iaitu Neraka. Nauzubillah.

Rumusan

Dalam Al-Quran, Allah S.W.T sering mengingatkan hamba-hamba-Nya supaya tidak lupa kepada asal kejadian mereka daripada tanah, tetapi telah diangkat darjatnya lebih mulia daripada makhluk-makhluk yang lain. Oleh sebab itu, manusia mestilah bersyukur atas limpahan kurniaan nikmat-Nya yang tidak terhingga ini. Justeru, kita hendaklah sentiasa menggunakan nikmat kurniaan Allah S.W.T dengan sebaik-baiknya berlandaskan wahyu. Di samping itu, kita juga hendaklah sentiasa mengingati asal usul kejadian agar menjadi ihsan yang selalu bersyukur.

Maka dari itu, kebahagiaan di dunia ini bukanlah hanya berkait dengan kehidupan duniawi semata-mata, malah ia bertujuan untuk kehidupan yang kekal abadi di akhirat kelak. Kebahagiaan yang abadi dan paling tinggi tingkatnya adalah merujuk kepada nikmat melihat Allah di akhirat kelak yang akan dianugerahkan kepada hamba-hamba yang soleh yang tidak jemu mentaati titah perintah-Nya. Setiap manusia pasti meletakkan impian yang tinggi ini kerana kebahagiaan ini merupakan tujuan hidup semua insan. Sesungguhnya tujuan akhir kebahagiaan adalah cinta kepada Allah yang akan menjadi persediaan kepada kebahagiaan yang bakal dinikmati di akhirat kelak iaitu melihat Allah S.W.T.

Rujukan

Muhammad Hilmi Jalil & Mohd Yusof Othman (2017) 'Islam Jati Diri Manusia : Antara Islam Dan Barat', *Jurnal Hadhari Edisi Khas*, pp. 97–110.

Rohaida Abdul Rahim, A. (2015) 'Al-Ruh Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah', *Jurnal Usuluddin*, Volume 26(Issue 26).

Salma Mat Yasim (2011) 'Makanan halal:kepentingannya menurut perspektif islam salma binti mat yasim universiti teknologi malaysia'.